



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 14 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	3,879 FISHERMEN TO START MAKING SOCSO CONTRIBUTION, NEWS IN BRIEF, NST -12 TAMBAH JELAPANG PADI TINGKAT BERAS NEGARA, NASIONAL, BH -16 BEKALAN MAKANAN NEGARA DIPASTIKAN MAMPAN, STABIL, HAKAKAH DAILY -ONLINE COVID-19 IS PUSHING MALAYSIA TO GROW MORE OF ITS OWN RICE, THE RAKYAT POST -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7. 8. 9.	KEMATIAN MISTERI 20 EKOR LEMBU, NEGARA, KOSMO -2 20 LEMBU MATI MULUT BERBUIH, LOKAL, HM -25 20 LEMBU MATI, MULUT BERBUIH, DALAM NEGERI, UM -29 20 EKOR LEMBU MATI DENGAN MULUT BERBUIH, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -25 KELUAR CARI MAKANAN, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2020	NST	NEWS/VIEWS	12

3,879 fishermen to start making Socso contribution

KUALA LUMPUR: A total of 3,879 Zone A, B, C and C2 fishermen will start making a contribution of RM157.20 to the Social Security Organisation (Socso) on Aug 15. The Agriculture and Food Industries Ministry said the contribution through the Fishermen's Incentive Programme System was a once-a-year deduction, which would be implemented in stages. "The Fisheries Development Authority of Malaysia held engagement sessions and gave briefings on the contribution under the Self-Employment Social Security Scheme to replace the fishermen's group insurance. All fishermen were required and encouraged to contribute as fishermen who have been receiving the fishermen's subsistence allowance would no longer be insured by Takaful operators or insurance companies." **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Tambah jelapang padi tingkat beras negara

Lebih banyak jelapang padi baharu akan dibuka dalam usaha untuk meningkatkan hasil padi negara, sekali gus mengurangkan ketergantungan kepada sumber import.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ketika ini, usaha giat dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi menerusi pendekatan pemodenan dan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian negara.

“Sebahagian itu kita melihat tanah yang di luar jelapang padi harus dibangun sama. Ini pendekatan bagi meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara, untuk melihat sawah yang ada ditingkatkan produktiviti dan penghasilannya.

“Kawasan sesuai dijadikan jelapang padi akan dibangunkan untuk jelapang padi pada masa akan datang. Ini strategi yang sedang dirangka oleh jawatankuasa sekuriti makanan negara,” katanya menjawab soalan tambahan Awang Husaini Sahari (PH-Putatan) pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan asal Datuk Mohd Salim Sharif (BN-Jempol), beliau berkata, menerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKKDSMN) yang ditubuhkan pada 25 Mac lalu, beberapa sesi terlibat sudah diadakan bersama peserta industri, ahli akademik dan pertubuhan bukan ke-



Ronald Kiandee

rajaan (NGO) pada peringkat Kementerian.

Katanya, ia termasuk mesyuarat bersama Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi membincangkan isu dan cabaran utama sekuriti makanan negara.

“Seterusnya, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara sudah diadakan pada 14 Julai lalu.

“Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yasin) akan diadakan pada 8 September ini,” katanya.

Beliau berkata, kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) dipersetujui Jemaah Menteri pada 29 April lalu sebagai parameter sekuriti makanan negara selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Sustainable Development Goals (SDGs).



BHTV

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Bekalan makanan negara dipastikan mampan, stabil



KUALA LUMPUR: Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) merupakan parameter yang mampan dan holistik selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) dan Sustainable Development Goals (SDGs).

Pada 25 Mac yang lalu, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (JKKDSMN) telah dibentuk dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin bagi merangka hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih menyeluruh dan stabil.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Seri Dr Ronald Kiang berkata, kerangka ini mengambil kira semua faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi sekuriti makanan negara.

Katanya, jawatankuasa tersebut melibatkan sesi pertemuan bersama pelbagai pihak berkepentingan bagi bermusyawarah mencari jalan penyelesaian yang melibatkan isu sekuriti makanan negara.

"Sejak Jawatankuasa Kabinet ini ditubuhkan, beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama pemain industri, para akademik, badan bukan Kerajaan (NGO) di peringkat kementerian termasuk mesyuarat bersama Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi membincangkan isu-isu dan cabaran utama sekuriti makanan negara.

"Kemudian, pada 14 Julai yang lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara juga diadakan," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menambah, Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) merangkumi empat komponen utama yang selaras dengan konsep terkini yang diterbitkan oleh Food Agriculture Organisation of the United Nations (FAO).

"Ianya ialah ketersediaan (*availability*), akses (*accessibility*), penggunaan (*utilization*), serta kestabilan dan kemampanan (*stability and sustainability*)," kata Ronald.

KSMN turut disokong oleh pelbagai strategi iaitu strategi utama, sokongan dan pemboleh ubah daya yang akan memberikan impak positif kepada pelbagai faktor penting dalam negara.

"Strategi tersebut bertujuan untuk memberikan tumpuan kepada faktor politik, sosial, ekonomi, alam sekitar dan teknologi.

"Ianya merangkumi aspek guna tenaga, kelestarian dan kemampanan sumber, perubahan iklim, pelaburan, kajian dan pelbagai lagi," jelasnya.

Ujarnya, setiap komponen tersebut akan diuruskan oleh empat kluster di bawah Sekretariat Kementerian tertentu bagi mengoptimalkan keberkesanan untuk setiap satu darinya.

"Kluster Ketersediaan diurus selia oleh Sekretariat Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), di bawah pengurusan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Seterusnya, Kluster Kemampuan dikendalikan oleh Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), di bawah kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Kemudian, Kluster Keselamatan diselikan oleh Sekretariat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK), di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Dan Kluster Kestabilan dan Kemampanan diuruskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu sendiri," jelasnya.

Ronald (Bersatu-Beluran) menjawab soalan Dato' Haji Salim Sharif (BN-Jempol) berkenaan status dan perkembangan terkini Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara dan kerangka dasarnya bagi memastikan kemampanan dan kestabilan bekalan makanan negara. – HARAKHAHDAILY 13/8/2020

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2020	THE RAKYAT POST	ONLINE	

Covid-19 Is Pushing Malaysia To Grow More Of Its Own Rice

Malaysians consumed on average 80kg of rice per person, a year.



Tim Shepherd/Unsplash

Subscribe to our [Telegram](#) channel for the latest stories and updates.

Malaysia plans to cultivate more paddy fields to increase rice production and reduce reliance on imports.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee explained that the country is working to modernize the industry besides developing new paddy fields and improving upon existing ones.

Rice is a staple food product that's synonymous with our culture. Even the word "paddy" itself comes from its Malay translation, *padi*.

The Covid-19 crisis had recently raised concerns over Malaysia's food security.

But, the government promised that the nation's rice stockpile would be enough to meet our domestic demand.



According to a report by [Khazanah Research Institute](#) (KRI), between the *nasi lemak*, *bihun*, *laksa*, *kuihs*, and other riced-based products we eat almost every day, Malaysians had consumed an average of 80kg of rice, per person, in 2016.

This translates to RM44 spent per month on rice for each Malaysian household.

Being a rice-producing country, most of our rice goes to fulfill local demand, with around another 2% imported from other nations to meet our needs.

In 2018, Malaysia had imported 740,000 tonnes of rice amounting to RM1.18 billion.




It's said that 38% of the county's rice comes from the northern parts of the peninsular, where states like Kedah and Perlis are referred to as Malaysia's "rice bowl".

KRI also points out that Malaysia has been trailing behind our Asian neighbors in the global rice market.

Figures show that Malaysian rice productions had remained static since the '90s.

Malaysia's rice production remained relatively constant compared to other countries, which have shown an increasing trend since 1990


Figure 1.6. Total rice production in the Southeast Asia region, 1990 - 2015 (in MT)



Source: Data from <http://data.bancompra.com/Chart.aspx?ChartID=17>, accessed on 17 Aug 2018. Chart by KRI

Malaysia's rice harvested area remained relatively constant compared to countries such as Indonesia, which have shown an increasing trend since 1990

Figure 1.7. Total rice harvested area in the Southeast Asia region, 1990 - 2016 (in Ha)



Source: Data from <http://data.bancompra.com/Chart.aspx?ChartID=17>, accessed on 17 Aug 2018. Chart by KRI

(KRI)



SEBAHAGIAN daripada lembu yang ditemui mati di ladang kelapa sawit di Sungai Tareh Lambor Kanan, Parit Kelaman.

Kematian misteri 20 ekor lembu

Oleh SHAARANI ISMAIL

PARIT - Penemuan bangkai 20 ekor lembu dalam keadaan bergelimpangan di dalam sebuah kebun kelapa sawit di Sungai Tareh Lambor Kanan dekat sini kelmarin menimbulkan tanda tanya dalam kalangan penduduk setempat.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Barudin Wariso berkata, kejadian itu hanya disedari pemilik lembu berkenaan selepas dimaklumkan oleh rakannya kira-kira pukul 10 pagi.

Katanya, rakan pengadu memaklumkan bahawa terdapat beberapa ekor lembu miliknya telah mati di ladang kelapa sawit di kampung berkenaan.

"Pada pukul 2 petang, pengadu

ke lokasi kejadian dan mendapati sebanyak 20 ekor lembu telah mati bergelimpangan dalam keadaan mulut berbuih dan terdapat darah pada bahagian hidung haiwan berkenaan.

"Pengadu kemudian membuat pemeriksaan dan mengesahkan 19 ekor lembu yang mati itu adalah miliknya, manakala seekor lagi belum dapat dipastikan miliknya," katanya.

Barudin berkata, kejadian itu kemudian dimaklumkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan tindakan telah diambil bagi mengenal pasti punca kematian lembu terbabit.

Beliau berkata, kejadian berlaku di sebuah ladang hak milik persendirian seluas kira-kira 1.6 hektar yang baharu ditanam dengan anak pokok kelapa sawit

pada April lalu.

"Kami difahamkan pemilik haiwan berkenaan mentermak kira-kira 200 ekor lembu yang dilepaskan di kawasan itu.

"Anggaran kerugian akibat kejadian ini adalah RM55,000," jelasnya.

Katanya lagi, polis dengan kerjasama Jabatan Veterinar masih meneruskan siasatan untuk mengenal pasti punca kematian haiwan berkenaan sama ada disebabkan perbuatan khianat, penyakit atau sebab-sebab lain.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan iaitu melakukan perbuatan khianat dengan membunuh atau mencacatkan haiwan yang boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau dengan denda," katanya.

14/8/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

25



SEBANYAK 20 ekor lembu ditemui mati bergelimpangan dalam keadaan mulut berbuih dan keluar darah melalui hidung di ladang sawit di Kampung Sungai Tareh, Lambor Kanan, Bota.

20 lembu mati mulut berbuih

Bota: Penternak kerugian RM55,000 selepas 19 lembu ternakannya mati dalam keadaan mencurigakan di ladang sawit di Kampung Sungai Tareh, Lambor Kanan, Bota, Kelantan.

Dalam kejadian pada jam 10 pagi itu, seekor lagi lembu turut mati namun pemiliknya belum dipastikan setakat ini.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah Superintendan Barudin Wariso berkata, lelaki berusia 42 tahun berkenaan mendapati 20 lembu sudah

mati bergelimpangan dalam keadaan mulut berbuih dan darah mengalir melalui hidung.

"Penternak itu mendapati 19 lembu adalah miliknya, manakala seekor lagi belum dapat dipastikan siapa pemiliknya.

"Tempat kejadian adalah ladang hak milik persendirian seluas empat ekar yang baharu ditanam anak pokok sawit pada April 2020.

"Ladang berkenaan adalah milik orang lain," katanya dalam satu kenyataan di sini,

semalam.

Menurutnya, lelaki itu menternak 20 lembu secara lepas bebas.

"Jabatan Veterinar sudah dimaklumkan dan turut sama menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kematian lembu berkenaan sama ada disebabkan perubatan khianat, penyakit atau sebab lain.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 428, Kanun Keseksaan kerana khianat dengan membunuh atau mencatitkan haiwan," katanya.



20 lembu mati, mulut berbuih

Oleh **SHAARANI ISMAIL**
 utusannews@mediamulia.com.my

PARIT: Sebanyak 20 ekor lembu ditemukan mati bergelimpangan di sebuah kebun kelapa sawit di Sungai Tareh, Lambor Kanan dekat sini semalam.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Barudin Wariso berkata, kejadian di sedari pengadu yang juga penemak lembu berkenaan selepas diberitahu rakannya kira-kira pukul 10 pagi.

"Rakan pengadu memberitahu beberapa ekor lembu miliknya mati bergelimpangan di Ladang Kelapa Sawit, Kampung Sungai Tareh, Lambor Kanan.

"Kira-kira pukul 2 petang, pengadu ke lokasi kejadian dan mendapati sebanyak 20 ekor lembu telah mati bergelimpangan dalam keadaan mulut berbuih dan keluar darah melalui hidung.

"Pemeriksaan oleh pengadu mendapati 19 ekor lembu ada-



ANTARA lembu yang ditemukan mati di ladang sawit di Lambor Kanan dekat Parit, Perak semalam. - GAMBAR PDRM

lah kepunyaannya manakala seekor lagi belum dapat dipastikan tuannya. Katanya dalam

kenyataan di sini.

Barudin berkata, kejadian itu kemudian dimaklumkan

kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan tindakan diambil bagi mengenal pasti punca kematian lembu-lembu tersebut.

Mengulas lanjut katanya, kejadian berlaku di sebuah ladang hak milik persendirian seluas kira-kira 1.6 hektar yang baru ditanam anak pokok kelapa sawit pada April 2020.

Katanya, difahamkan penternak berkenan menternak kira-kira 200 ekor lembu secara lepas bebas dan kerugian dialami dianggarkan RM55,000.

"Siasatan lanjut bersama Jabatan Veterinar masih diteruskan bagi mengenal pasti punca kematian sama ada disebabkan perbuatan khianat, penyakit atau sebab-sebab lain.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan iaitu melakukan perbuatan khianat dengan membunuh atau mencatitkan haiwan yang boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau dengan denda," katanya.

14/8/2020

SINAR
HARIANNEGERI
PERAK/
P.PINANG

25

20 ekor lembu mati dengan mulut berbuih

Kesemua ternakan itu turut mengalami pendarahan hidung tanpa diketahui sebab kematian

Oleh NORMAWATI ADNAN

PARIT

Seorang penternak mengalami kerugian sebanyak RM55,000 selepas 20 ekor lembu miliknya ditemukan mati bergelimpangan dalam keadaan mulut berbuih dan keluar darah melalui hidung dalam sebuah kebun kelapa sawit di Sungai Tareh, Lambor Kanan di sini kelmarin.

Kejadian itu disedari penternak berusia 42 tahun itu sekitar jam 2 petang selepas mendapat aduan daripada seorang rakan dan penemuan haiwan-haiwan ternakan dalam keadaan sedemikian turut menimbulkan kehairanan berikutan tidak diketahui puncanya.

Ketua Polis Daerah Perak



Kejadian itu disedari sendiri oleh penternak lembu terabit di sebuah kebun kelapa sawit di Sungai Tareh, Lambor Kanan kelmarin.

Tengah, Superintendan Barudin Wariso berkata, siasatan pihaknya juga masih belum menemui punca sebenar kejadian.


"Siasatan lanjut bersama Jabatan Veterinar masih diteruskan bagi mengenal pasti punca kematian sama ada disebabkan perbuatan khianat, penyakit atau sebab-sebab lain," katanya.

Menurutnya, lokasi kejadian tidak berpagar dan merupakan kebun milik persendirian seluas 1.6 hektar yang baharu sahaja

ditanam dengan anak pokok kelapa sawit pada April lepas.

"Pengadu menternak 200 ekor lembu yang dilepas secara bebas dan pemeriksaan dijalankan dan didapati daripada 20 lembu yang mati itu, 19 adalah kepunyaannya manakala seekor lagi belum dapat dipastikan pemiliknya," katanya.

Katanya, siasatan lanjut dibuat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksan kerana khianat dengan membunuh atau mencacatkan haiwan.



GAMBAR tular menunjukkan seekor harimau kumbang berlegar-legar di pekarangan UiTM, Kuala Pilah bulan lalu.

Perlu kajian kenal pasti populasi harimau kumbang

Keluar cari makanan

Oleh NOR AINNA HAMZAH

SEREMBAN – Kurangnya sumber makanan di habitat asal selain jumlah populasi manusia di persekitaran yang semakin mengecil menjadi punca kehadiran seekor harimau kumbang di kawasan kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kuala Pilah di sini bulan lalu.

Pensyarah Kanari Pengurusan Hidupan Liar, Jabatan Sains Praktikal Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Tengku Rinalfi Putra Tengku Azizan berkata, kekurangan sumber makanan antara lain berpunca daripada habitat haiwan itu sendiri yang semakin kecil selain tiadanya haiwan buruan untuk dijadikan makanan.

Katanya, faktor kurangnya populasi manusia di dalam kampus pula adalah berpunca daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan sejak Mac lalu sehingga membolehkan harimau kumbang memasuki kawasan penempatan manusia tanpa sebarang gangguan atau halangan.

"Penyakit berkaitan saraf seperti *carine distemper virus* seperti yang ditemui pada harimau belang (*Kes Awang Besul*) yang mungkin telah menular ke haiwan lain juga dikesan menjadi faktor penyumbang mengapa harimau kumbang tersebut keluar



KERATAN Kosmo! 11 Ogos 2020.

dari habitatnya.

"Faktor penyakit ini bagaimanapun memerlukan kajian dan surveil segera kerana ia berkait rapat dengan kesihatan ekosistem yang secara tidak langsung mempengaruhi hubungan antara manusia dan hidupan liar," katanya kepada *Kosmo!* di sini kelmarin.

Tengku Rinalfi berkata, secara umumnya, seperti yang dilaporkan pada tahun lalu oleh SY Chew dalam *Malayan Nature Journal*, populasi harimau kumbang di Semenanjung Malaysia setakat ini dianggarkan sekitar 500 hingga 700 ekor.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tiada data spesifik berkenaan populasi sebenar harimau kumbang di negara yang habitatnya terdapat di hutan dara seluruh Semenanjung.

"Tiada kajian spesifik yang dilakukan khusus untuk harimau kumbang, namun ada keperluan untuk kajian ini. Antara keka-

ngan utama bagi kajian populasi atau konservasi hidupan liar ialah faktor dana.

"Kelulusan dana untuk menjalankan kajian berkenaan pemuliharaan hidupan liar biasanya tidak mendapat perhatian secukupnya kerana output kajian tidak membawa sebarang keuntungan komersial," katanya.

Beliau menambah, output berkenaan status hidupan liar berkait rapat dengan kesihatan ekosistem yang secara tidak langsung mempengaruhi hubungan antara manusia dan hidupan liar.

"Banyak yang boleh diperoleh daripada kajian ini antaranya pemahaman serta penyelesaian konflik hidupan liar dan manusia, kepupusan spesies-spesies penting dan yang terbaharu, penyakit zoonotik seperti rabies dan Covid-19," katanya.

Kosmo! baru-baru ini melaporkan mengenai kebimbangan penduduk Kampung Mara Parit Tinggi ekoran kehadiran seekor harimau kumbang yang dikesan berada di pekarangan kampus UiTM Kuala Pilah.

Terdahulu, pada 25 Julai lalu, *Kosmo!* melaporkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan telah memasang satu unit perangkap bagi menangkap seekor harimau kumbang yang berlegar di UiTM Kuala Pilah.